

Analisis Tahap dan Faktor Penerimaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Pelajar UIAM, Kampus Pagoh

Muhammad Zakur Ashar, Aminnudin Saimon*

Jabatan Bahasa Melayu, Kuliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia, 84600 Pagoh, Muar, Malaysia

*Corresponding authors: deanamin@iium.edu.my

Received: 15 January 2025; **Revised:** 01 April 2025; **Accepted:** 16 April 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Ashar, M. Z. ., & saimon, A. (2025). Analisis tahap dan faktor penerimaan tulisan jawi dalam kalangan pelajar UIAM, kampus Pagoh. *PENDETA*, 16(1), 161-180. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.14.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.14.2025>

ABSTRAK

Dalam mengharungi arus pemodenan, tahap penerimaan tulisan Jawi iaitu tingkah laku untuk menerima, menggunakan serta tindak balas seseorang terhadap tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat terutama pelajar universiti semakin berkurang. Hal ini demikian kerana faktor seperti demografi, penggunaan tulisan Jawi yang dikhatusukan kepada pembelajaran agama serta penguatkuasaan Akta Bahasa Melayu 1963 menjadikan tulisan Jawi semakin dipinggirkan. Kesannya, semakin ramai pelajar tidak menerima penggunaan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian sehingga menjadikan kedudukan tulisan Jawi semakin membimbangkan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis tahap dan faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP serta menghuraikan faktor tahap penerimaan tulisan Jawi. Kajian ini mengaplikasikan kajian gabungan, iaitu penggabungan kuantitatif dan kualitatif. Pengkaji menggunakan borang soal selidik dalam talian yang diedarkan kepada 108 orang pelajar bagi mengumpul data kuantitatif serta menemu bual lima orang responden bagi mendapatkan data kualitatif. Dapatkan kajian mendapat tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar menunjukkan tahap yang tinggi dengan nilai purata min sebanyak 4.509. Pengkaji berjaya menyenaraikan serta menghuraikan lima faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar, iaitu faktor penempatan, latar belakang pendidikan, minat, penggunaan tulisan Rumi dan teknologi dan modenisasi. Kajian ini juga mendapat faktor latar belakang pendidikan dan minat menjadi faktor tertinggi manakala faktor teknologi dan modenisasi menjadi faktor terendah yang mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi.

Kata kunci: Tulisan Jawi; penerimaan; faktor; tahap; pelajar

ABSTRACT

In navigating the currents of modernization, the acceptance of Jawi text, which refers to the behavior of receiving, using, and responding to Jawi among the community, especially university students, is increasingly declining. This is owing to demography, the limited use of Jawi in religious education, and the implementation of the Malay Language Act 1963, which has marginalised Jawi. As a result, more students are refusing to use Jawi in everyday situations, which could potentially exacerbate the precarious position of Jawi text. As a result, this study was done to investigate the levels and factors that influence student acceptance of the Jawi. The goal of this research is to determine the acceptability level of the Jawi among students of the Kulliyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages, as well as describing the factors. This study employs a mixed-methods approach by integrating quantitative and qualitative research. The researchers collected quantitative data through an online questionnaire distributed to 108 students and qualitative data through interviews with 5 respondents. The data show that Jawi is widely accepted among students, with an average mean score of 4.509. The researchers also discovered and described the five main factors that influence students' acceptance of Jawi: geography, educational background, interest, use of Roman text, technology and modernization. This study also found that

educational background and interest are the highest factors, while technology and modernization are the lowest factors affecting the acceptance of Jawi.

Keywords: Jawi scripts; acceptance; factors; level; students

PENGENALAN

Menurut Aminnudin Saimon dan Nur Hidayah Takmad (2023), penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat hari ini semakin pudar ditelan zaman. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan tulisan Rumi yang semakin meluas dalam masyarakat semakin berkembang serta lebih fleksibel dengan demografi rakyat Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan agama. Oleh itu, terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO) seperti penggunaan tulisan Jawi di papan tanda jalan raya serta penggunaan teknologi dalam mengintegrasikan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian (Azura Halid, 2023). Usaha ini dijalankan agar tulisan Jawi terus dipelihara sebagai warisan dan jati diri bangsa Malaysia. Pemeliharaan ini mampu meningkatkan tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat.

Menurut Diana Amalia et al, (2024), penerimaan dapat ditakrifkan sebagai respon yang diberikan oleh seseorang terhadap sesuatu perkara sama ada menerima perkara tersebut atau sebaliknya. Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat tahap penerimaan pelajar universiti terhadap tulisan Jawi. Hal ini dikatakan demikian kerana hampir kesemua pelajar ini mempelajari tulisan Jawi melalui Pendidikan Islam di sekolah kerana tulisan tersebut menjadi medium pembelajaran agama dan al-Quran (Mohd Mazhan Tamyis et al., 2021). Jadi, setiap pelajar pasti mempunyai persepsi dan penerimaan yang berbeza terhadap tulisan Jawi sehingga wujud pendapat mengenai kerelevan tulisan Jawi dalam arus modenisasi ini.

Tahap penerimaan tulisan Jawi ini bukan sahaja boleh diajukan kepada kaum lain seperti Cina dan India, namun perkara ini juga boleh dipersoalkan kepada kaum Melayu sendiri kerana antara punca utama kekurangan penggunaan tulisan Jawi ialah sikap jahil kaum Melayu sendiri dalam mempertahankan warisan bangsa (Siti Nurul Izza Hashim et al., 2021). Nor Fadzilah Md. Yusof et al. (2021) menyatakan faktor demografi seperti latar belakang keluarga, pendidikan serta pendapatan menjadi penyumbang dan mempengaruhi tahap penerimaan masyarakat terhadap tulisan Jawi. Pendidikan memainkan peranan yang penting kerana hanya terdapat beberapa universiti yang menjadikan subjek Jawi sebagai subjek seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). UPSI membuka kepada semua pelajar untuk mengikuti kursus ini, namun mewajibkan pengambilan subjek ini kepada pelajar Program Pendidikan Bahasa Melayu (Nor Asma Muhamat Laila, 2022). Menurut Mohamed Farid Noh (2020), penggunaan tulisan Jawi yang terhad di beberapa tempat seperti Jabatan Agama Islam untuk urusan sijil nikah dan teks khutbah Jumaat serta pembelajaran agama di sekolah menjadi faktor kepada penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar. Perkara ini sekali gus memberikan persepsi kepada pelajar bahawa penggunaan Jawi hanya terhad kepada hal-hal berkaitan agama Islam.

Penyataan Masalah

Penjajahan negara-negara barat dan penguatkuasaan Akta Bahasa Melayu 1963 yang menjadikan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi di Malaysia telah menggugat kedudukan tulisan Jawi (Osman Affandi, 2019). Menurut Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz (2020), tulisan Jawi semakin kehilangan akar sejarah dan kekuatan untuk bersaing dengan tulisan Rumi sehingga mempengaruhi masyarakat Melayu untuk menguasai tulisan Jawi. Hal ini jelas memberikan kesan yang besar kepada tahap penerimaan masyarakat terhadap tulisan Jawi pada masa kini. Tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan rakyat semakin berkurang bukan sahaja dalam kalangan bukan Melayu, namun masyarakat Melayu sendiri semakin meminggirkannya dan tidak menerima tulisan Jawi. Sebagai contoh, kegagalan membaca al-Quran berpunca daripada kelemahan penguasaan tulisan Jawi oleh orang Melayu dan Islam menyebabkan terdapat gerakan yang mencuba untuk merumikan al-Quran (Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz, 2020).

Di samping itu, pengkaji ingin mengkaji tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh) khususnya pelajar Kulliyah

Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari (KSTCL). Hal ini dikatakan demikian kerana tulisan Jawi banyak dikaitkan dengan perkembangan Islam sejak dahulu lagi (Mohd Saifun Aznin Mohd Sharif et al., 2024). Tambahan pula, UIAM merupakan salah satu universiti yang memberi fokus kepada pembelajaran agama Islam di Malaysia. Selain itu, KSTCL merupakan salah satu pusat pembelajaran bahasa di UIAM dan bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang ditawarkan oleh kulliyyah ini. Menurut Habibah @ Artini Ramlie et al. (2021), perkembangan tulisan Jawi sering dikaitkan dengan perkembangan bahasa Melayu. Oleh itu, pengkaji ingin melihat pembelajaran bahasa dan perkembangan Islam memainkan peranan yang besar terhadap tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, tidak banyak kajian lepas mengenai tahap penerimaan tulisan Jawi yang terkini. Antara kajian lepas terkini yang diterbitkan ialah Polemik Tulisan Jawi di Malaysia: Kajian Terhadap Penerimaan Masyarakat Cina oleh Norahida Mohamed, Azlina Abdullah Hasim, Safiah Abd Razak dan Aida Farkhana Ahmad Puhad (2021). Kajian ini mengkaji penerimaan masyarakat Cina Kelantan terhadap tulisan Jawi pada masa kini. Justeru, pengkaji ingin melihat penerimaan masyarakat Malaysia terutama bangsa Melayu di Institut Pengajian Tinggi (IPT) terhadap tulisan Jawi yang menjadi identiti dan warisan bangsa sejak sekian lama. Tambahan pula, pengkaji juga ingin menambah sorotan literatur berkaitan penerimaan Jawi terhadap pelajar universiti yang berfokus kepada bidang agama Islam serta pengajian bahasa seperti para pelajar UIAMKP.

Akhir sekali, pengkaji ingin melihat faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar universiti. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat beberapa kajian yang mengkhususkan kepada faktor tahap penerimaan tulisan Jawi, antaranya daripada Nor Fadzilah Md. Yusof et al., (2021). Kajian ini memfokuskan faktor demografi seperti pendapatan yang mempengaruhi penerimaan seseorang terhadap tulisan Jawi. Oleh itu, berdasarkan kajian ini, pengkaji ingin melihat faktor-faktor lain seperti faktor modenisasi, faktor minat dan faktor pendidikan mempengaruhi tahap penerimaan seseorang terhadap tulisan Jawi terutama pelajar UIAMKP.

Kajian ini penting untuk menilai tahap penerimaan masyarakat Malaysia, khususnya pelajar universiti seperti UIAMKP, terhadap tulisan Jawi sebagai identiti dan warisan bangsa. Fokus kajian terhadap faktor-faktor seperti modenisasi, minat, dan pendidikan akan memberikan gambaran mendalam mengenai aspek yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar universiti. Tahap penerimaan ini perlu dipahami untuk memastikan kesinambungan warisan tulisan Jawi.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat dua objektif kajian yang utama, iaitu;

- i. Mengenal pasti tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP.
- ii. Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP.

Sorotan Kajian

Mohd Saifun Aznin Mohd Sharif, Mior Muhammad Saiful Nizan Mohd Saali, Mohd Fadzil Kamarudin, Muhammad Zaim Esrati dan Mohd Hasrul Kamarulzaman pada 2024 menulis kajian yang bertajuk Tahap Penguasaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan tulisan Jawi pelajar-pelajar cerdas Kolej PERMATA@PINTAR UKM serta menganalisis hubungan antara penguasaan Jawi dengan pencapaian pelajar dalam subjek Pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang berbentuk tinjauan terhadap 64 pelajar tingkatan empat di Kolej PERMATA@PINTAR UKM. Terdapat dua instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data, iaitu menggunakan soalan berbentuk esei serta soal selidik. Hasil dapatan menunjukkan pelajar perempuan mempunyai tahap penguasaan Jawi yang lebih tinggi dengan skor 19.2051 berbanding pelajar lelaki dengan skor 19.04. Seterusnya, terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan tulisan Jawi dengan tahap pencapaian pelajar dalam pelajaran. Hal

ini dibuktikan melalui subjek seperti Bahasa Melayu, Sejarah dan Pendidikan Islam mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan penguasaan tulisan Jawi pelajar dengan skor signifikan 0.092 iaitu nilai yang melebihi nilai alpha 0.01.

Selain itu, kajian Persepsi Mahasiswa Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, UIAM Terhadap Tulisan Jawi oleh Aminnudin Saimon dan Nur Hidayah Takmad yang diterbitkan pada tahun 2023 mengkaji mengenai persepsi mahasiswa serta menghuraikan persepsi mahasiswa terhadap pemeliharaan tulisan Jawi. Pengkaji menggunakan kaedah gabungan yang terdiri daripada kuantitatif dan kualitatif sebagai metodologi kajian. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada 50 orang mahasiswa serta menemu bual tiga orang responden. Hasil kajian mendapat skor min tertinggi untuk bahagian B adalah melalui pernyataan ‘Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya oleh semua lapisan masyarakat’ dengan skor 4.88. Skor terendah pula dicatatkan melalui pernyataan ‘Saya berpendapat bahawa jika orang Melayu tidak mempunyai kemahiran dalam menulis dan membaca tulisan Jawi, dia boleh dianggap telah hilang salah satu identiti bangsa Melayunya’ dengan skor 4.16. Pada bahagian C, pernyataan ‘Pihak berkuasa seperti agensi kerajaan mestilah mengambil langkah dalam memelihara tulisan Jawi sebagai salah satu warisan bangsa Melayu’ mendapat jumlah skor min tertinggi iaitu 4.78. Skor terendah pula dicatatkan sebanyak 4.34 melalui pernyataan ‘Pembelajaran berkaitan tulisan Jawi mestilah disamaratakan dengan pembelajaran tulisan Rumi’.

Di samping itu, Nazatul Nadia Ahmad Ismail dan Harun Baharudin pada tahun 2023 membuat kajian Pengetahuan Jawi Bagi Kata Pinjaman Inggeris dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah dan Faktor yang Mempengaruhinya. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap pengetahuan tulisan Jawi murid sekolah rendah berkaitan kata pinjaman bahasa Inggeris serta menganalisis faktor yang mempengaruhi penguasaan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang menghimpunkan 150 orang murid tahun enam sebagai sampel kajian. Responden diambil daripada tiga buah sekolah rendah di Bangsar. Soal selidik digunakan sebagai kaedah pengumpulan data dan dianalisis secara deskriptif menggunakan aplikasi SPSS. Secara keseluruhan, kajian mendapat bahawa tahap pengetahuan pelajar sekolah rendah terhadap tulisan Jawi bagi kata pinjaman bahasa Inggeris berada pada tahap yang tinggi dengan skor min sebanyak 87.52. Pengkaji menyatakan tahap pengetahuan yang tinggi tidak mustahil berlaku kerana majoriti responden terdiri daripada murid-murid yang belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Seterusnya, pengkaji menyatakan terdapat tiga faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan murid sekolah rendah terhadap tulisan Jawi bagi kata pinjaman bahasa Inggeris iaitu faktor minat, sikap dan motivasi. Faktor minat (3.68), sikap (3.25) dan motivasi (3.07) masing-masing mempunyai skor min yang menunjukkan tahap sederhana tinggi dan hasil analisis menunjukkan faktor minat sangat mempengaruhi tahap pengetahuan murid-murid tersebut.

Ketiga-tiga kajian di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan dan persepsi terhadap tulisan Jawi dipengaruhi oleh faktor seperti jantina, minat, sikap, dan motivasi. Kajian Mohd Saifun Aznin et al. (2024) membuktikan bahawa penguasaan Jawi berkorelasi dengan pencapaian akademik, manakala kajian Aminnudin Saimon dan Nur Hidayah Takmad (2023) menekankan kepentingan pemeliharaan tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa. Sementara itu, Nazatul Nadia Ahmad Ismail dan Harun Baharudin (2023) mendapat bahawa minat menjadi faktor utama dalam penguasaan Jawi. Kesemua dapatan ini berkait rapat dengan kajian pengkaji mengenai tahap penerimaan serta faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar universiti.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah gabungan yang terdiri daripada kaedah kuantitatif bagi mengkaji objektif pertama, manakala kaedah kualitatif digunakan untuk mengkaji objektif kedua. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif melalui teknik soal selidik secara dalam talian bagi memenuhi objektif pertama. Soal selidik tersebut akan diadaptasi daripada kajian Norahida Mohamed et al. (2021) dan Pareeda Hayeeteh et al. (2020). seterusnya diedarkan kepada para pelajar di UIAMKP. Data terkumpul akan dianalisis secara deskriptif untuk menentukan tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar. Pengkaji juga menemu bual responden yang terdiri daripada pelajar UIAMKP bagi menghuraikan

faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi. Temu bual ini dijalankan secara berstuktur dan soalan-soalan temu bual juga diadaptasi serta diubah suai daripada kajian Nor Fadzilah et al., (2021). Respon yang diterima akan ditranskripsi sebelum dianalisis secara tematik. Hasil akhir dapatan menunjukkan faktor tahap penerimaan tertinggi dan terendah. Pengkaji memilih pelajar-pelajar dari UIAMKP sebagai populasi untuk dikaji.

Pelajar-pelajar di kulliyyah ini terdiri daripada empat jurusan utama, iaitu Bahasa Arab untuk Komunikasi Antarabangsa (ACOM), Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa (ECOM), Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa (MCOM) serta Pengurusan Pelancongan (TMGT). Bagi persampelan kajian, pengkaji menggunakan persampelan kebarangkalian rawak mudah yang memilih keempat-empat bidang pengajian yang ada di kulliyyah ini bagi mendapatkan data kuantitatif, manakala persampelan bukan kebarangkalian mudah digunakan bagi mendapatkan data kualitatif. Penggunaan persampelan rawak mudah menyebabkan pengkaji tidak meletakkan jumlah yang khusus bagi setiap jurusan untuk mendapatkan jumlah keseluruhan 108 orang responden.

Bagi mencapai objektif kajian, instrumen kajian merupakan alat yang penting dalam mengumpulkan data dan bukti sesuatu kajian itu dijalankan. Borang soal selidik digunakan terhadap 108 orang pelajar UIAMKP bagi mengenal pasti tahap penerimaan tulisan Jawi. Pengkaji mengadaptasi soal selidik yang terdapat dalam kajian yang dilakukan oleh Norahida Mohamed et al. (2021) dan Pareeda Hayeeteh et al. (2020). Soalan-soalan tersebut telah dipinda agar sesuai dengan kajian yang pengkaji jalankan. Pengkaji juga menggunakan platform *google form* untuk mengedarkan soal selidik kepada responden.

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji akan menerangkan mengenai tahap serta faktor penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP bertepatan dengan objektif kajian. Pengkaji mengenal pasti seramai 108 orang pelajar sebagai responden untuk tahap penerimaan Jawi manakala seramai lima orang pelajar ditemu bual bagi menganalisis faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi.

Demografi Responden

Pengkaji mengenal pasti seramai 108 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar UIAMKP. Pengkaji akan menghuraikan mengenai jantina, bidang pengajian serta tahun pengajian responden.

Jadual 1 Jantina Responden

Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	44	40.7
Perempuan	64	59.3
Jumlah	100	100

Jadual 1 menunjukkan dapatan jantina responden yang terdapat dalam kajian ini. Berdasarkan rajah tersebut, pelajar lelaki yang terlibat dalam soal selidik ini seramai 44 orang iaitu setara dengan 40.7% daripada jumlah keseluruhan. Bagi responden perempuan pula, seramai 64 orang pelajar atau 59.3 % daripada jumlah keseluruhan responden telah menyertai soal selidik ini. Hal ini menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai melibatkan diri dalam soal selidik ini berbanding pelajar lelaki.

Jadual 2 Bidang Pengajian Responden

Bidang	Jumlah	Peratus
TMGT	12	11.1
MCOM	54	50
ACOM	16	14.8
ECOM	26	24.1
Jumlah	108	100

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan bidang pengajian responden yang diperoleh. Daripada statistik yang diperoleh, responden MCOM mendominasi jumlah, iaitu sebanyak 54 bersamaan 50%, diikuti responden ECOM sebanyak 26 bersamaan 24.1%, ACOM sebanyak 16 responden (14.8%) dan yang terakhir TMGT sebanyak 12 bersamaan 11.1%.

Jadual 3 Tahun Pengajian Responden

Pengajian	Jumlah	Peratus
Tahun 1	18	16.7
Tahun 2	20	18.5
Tahun 3	25	23.1
Tahun 4	45	41.7
Jumlah	108	100

Jadual 3 menunjukkan majoriti responden yang mengikuti soal selidik ini terdiri daripada pelajar tahun empat iaitu seramai 45 orang atau 41.7%. Pelajar tahun tiga mengikuti dengan jumlah responden seramai 25 orang atau 23.1%. Jumlah responden yang terdiri daripada tahun dua mempunyai bilangan seramai 20 orang yang mewakili 18.5% daripada jumlah responden. Responden yang berada di tahun satu menjadi responden paling sedikit dengan 18 orang responden bersamaan dengan 16.7%.

Tahap Penerimaan Jawi

Analisis yang dilakukan adalah untuk mengenal pasti tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Pengujian tahap dilakukan melalui soal selidik yang menggunakan data sela penilaian skala Likert lima mata. Hasil dapatan akan dianalisis untuk melihat tahap penerimaan tulisan Jawi pelajar secara purata. Data yang dikumpulkan akan dianalisis secara deskriptif untuk melihat ringkasan data yang terdiri daripada min, median dan mod. Setiap data yang telah dianalisis akan menentukan kesimpulan objektif pertama.

Jadual 4 Analisis Deskriptif Tahap Penerimaan Tulisan Jawi Pelajar UIAMKP

Bil.	Soalan	Min	Median	Mod
1	Saya menerima penggunaan tulisan Jawi dalam kehidupan saya.	4.61	5	5 (77)
2	Saya suka membeli barang yang mempunyai tulisan Jawi.	3.66	4	3 (43)
3	Saya minat membaca bahan bacaan yang menggunakan tulisan Jawi.	4.15	4	5 (46)
4	Saya menerima penggunaan tulisan Jawi pada papan tanda nama jalan.	4.65	5	5 (82)
5	Saya yakin bahawa tulisan Jawi merupakan tulisan ilmu.	4.79	5	5 (88)
6	Tulisan Jawi perlu diuar-uarkan dan dipromosikan kepada semua lapisan masyarakat.	4.84	5	5 (92)
7	Saya berasa bangga bila mampu membaca dan menulis Jawi.	4.89	5	5 (97)
8	Saya menerima perkembangan tulisan Jawi bergerak seiring dengan perkembangan teknologi.	4.43	5	5 (67)
9	Saya percaya bahawa tulisan Jawi itu sangat sesuai dengan semua lapisan masyarakat.	4.52	5	5 (74)

bersambung

10	Saya yakin tulisan Jawi mampu mempunyai taraf yang sama dengan tulisan Rumi.	4.55	5	5 (73)
	Purata Min		4.509	

Jadual 4 menunjukkan nilai min, median dan mod bagi analisis deskriptif tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Hasil dapatan mendapat bahawa min tertinggi ada pada item ketujuh ‘Saya berasa bangga bila mampu membaca dan menulis Jawi’ dengan nilai min 4.89. Seterusnya, item dengan nilai min 4.84 terdapat pada item keenam ‘Tulisan Jawi perlu diuar-uarkan dan dipromosikan kepada semua lapisan masyarakat’. Berdasarkan interpretasi skor min skala Likert lima mata, nilai 4.89 dan 4.84 menunjukkan bahawa para pelajar UIAMKP sangat berbangga, menerima serta menyokong usaha untuk mempromosikan tulisan Jawi kepada masyarakat. Hal ini disokong oleh responden kelima dalam temu bual bersemuka melalui pernyataan ‘Kerana kalau kita lihat di Selangor, pengaruh Jawi kurang. Kalau kita lihat Pahang, Terengganu, Kelantan, dia ada persekitaran environment Jawi’. Ini jelas menunjukkan penggunaan Jawi perlu diuar-uarkan ke seluruh pelosok negara dan tidak terhad kepada negeri pantai timur sahaja.

Selain itu, nilai min 4.15 yang terdapat pada item ketiga ‘Saya minat membaca bahan bacaan yang menggunakan tulisan Jawi’ menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi pelajar UIAMKP terhadap bahan bacaan Jawi. Hal ini bertepatan dengan faktor minat yang mempengaruhi penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Kesemua responden bersetuju bahawa minat mempengaruhi penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar. Salah satu responden, iaitu responden kelima juga menyatakan pemupukan minat tersebut perlu bermula dari rumah dengan didikan ibu bapa. Minat untuk menggunakan tulisan Jawi juga merupakan pilihan individu untuk digunakan dalam peperiksaan serta kehidupan sehari-hari seperti diujarkan oleh responden kedua.

Seterusnya, item kedua ‘Saya suka membeli barang yang mempunyai tulisan Jawi’ memperoleh nilai min terendah iaitu 3.66. Jika diinterpretasikan, nilai ini menunjukkan nilai yang sederhana dalam penerimaan Jawi terhadap barang yang menggunakan tulisan Jawi. Pelajar UIAMKP menganggap bahawa penerimaan serta penolakan terhadap barang yang menggunakan tulisan Jawi bukanlah isu yang terlalu besar. Hal ini juga dibuktikan melalui jumlah responden dengan jawapan tidak pasti paling banyak terhadap soalan tersebut, iaitu sebanyak 43 orang responden.

Tahap penerimaan Jawi pelajar UIAMKP juga mampu diukur menggunakan mod yang diperoleh daripada dapatan deskriptif tersebut. Sebagai contoh, seramai 77 orang atau 71.3% daripada jumlah responden sangat bersetuju bahawa mereka menerima penggunaan Jawi dalam kehidupan mereka. Seramai 82 orang bersamaan dengan 75.9% daripada jumlah responden sangat bersetuju dengan penggunaan papan tanda nama jalan bertulisan Jawi. Hal ini menunjukkan pelajar UIAMKP menerima tulisan Jawi dalam kehidupan sehingga penggunaan tulisan Jawi pada papan tanda nama jalan tidak menjadi isu yang besar.

Tambahan pula, item kelapan ‘Saya menerima perkembangan tulisan Jawi bergerak seiring dengan perkembangan teknologi’ mendapat jumlah responden seramai 67 orang atau 62% sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan nilai min 4.43. Begitu juga dengan item kesembilan ‘Saya percaya bahawa tulisan Jawi itu sangat sesuai dengan semua lapisan masyarakat’ yang mempunyai 74 orang atau 68.5% daripada jumlah responden sangat bersetuju terhadap pernyataan tersebut dengan nilai min 4.52. Hal ini menunjukkan pelajar UIAMKP percaya terhadap tulisan Jawi yang mampu berkembang seiring dengan perkembangan teknologi serta diterima seluruh lapisan masyarakat. Perkara ini dibuktikan melalui respons daripada responden kedua mengenai bagaimana seseorang menggunakan sesuatu teknologi bergantung kepada kecenderungan dan minat terhadap sesuatu termasuk Jawi. Responden keempat pula menyatakan menjadi satu kerugian jika teknologi yang canggih pada hari tidak digunakan untuk menyebarkan tulisan Jawi kepada khalayak. Menjadi tanggungjawab setiap individu dan kerajaan untuk menggunakan teknologi bagi memastikan semua lapisan masyarakat percaya bahawa tulisan Jawi adalah untuk semua, bukan eksklusif kepada satu kaum sahaja.

Secara keseluruhan, purata min menunjukkan nilai sebanyak 4.509. Hal ini menunjukkan nilai tersebut berada dalam kategori tinggi. Hal ini jelas menunjukkan tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP secara puratanya adalah tinggi. Berdasarkan purata min tahap penerimaan tulisan Jawi pelajar UIAMKP, responden kajian ini mempunyai tahap penerimaan tulisan Jawi yang lebih tinggi berbanding kajian Norahida Mohamed et al. (2021) yang mempunyai purata min sebanyak 2.16. Hal ini jelas menunjukkan tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat Cina berada

pada tahap yang sederhana. Kajian ini juga memberi gambaran jelas bahawa penerimaan tulisan Jawi masih berada pada tahap yang memuaskan terutama dalam kalangan pelajar universiti.

Faktor Mempengaruhi Tahap Penerimaan Jawi

Pengkaji menggunakan analisis tematik bagi menganalisis serta menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Pengkaji mengumpulkan data daripada lima orang pelajar melalui temu bual bersemuka. Bahagian ini akan menerangkan mengenai lima faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar iaitu penempatan, latar belakang pendidikan, minat, penggunaan tulisan Rumi serta teknologi dan modenisasi.

Setiap faktor tersebut telah dikenal pasti melalui soalan temu bual. Hasil jawapan daripada soalan-soalan temu bual tersebut telah diinterpretasikan dalam bentuk jadual-jadual yang tertera di bawah. Hasil interpretasi daripada temu bual tersebut akan menghasilkan kod-kod yang akan membentuk tema yang bersesuaian dengan faktor-faktor tahap penerimaan Jawi. Yuli Asmi Rozali (2022) menyatakan kaedah kod akan menentukan sama ada tema-tema yang diperoleh bersesuaian serta relevan dengan kata-kata yang terdapat dalam temu bual atau lebih dikenali sebagai *in vivo code*. Tema pula ditakrifkan sebagai tahap ketiga dalam analisis tematik yang bertujuan untuk mencari kesesuaian dengan penyelidikan serta menggambarkan fenomena yang dikaji (Yuli Asmi Rozali, 2022).

Faktor Penempatan

Pengkaji memfokuskan faktor penempatan yang mampu mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP pada soalan pertama. Setiap jawapan responden telah dikod oleh pengkaji seterusnya membentuk tema yang menjawab soalan temu bual tersebut. Hasil analisis tematik soalan pertama boleh dirujuk pada jadual 5 dengan menggunakan soalan ‘Pada pandangan anda, adakah penempatan seseorang mampu mempengaruhi penerimaan mereka terhadap jawi?’.

Jadual 5 Analisis Tematik Soalan Temu Bual Pertama

Responden	Data	Kod	Tema
R1	Ya, untuk soalan pertama, saya rasa, ya, penempatan seorang ini memang mempengaruhi dia punya penerimaan pada Jawi. Sebab apa saya cakap macam ni sebenarnya, untuk saya yang lahir di Terengganu, most of the shops, nama mereka ada tulisan Jawi, tulisan Rumi. Lepas itu, apabila macam saya datang sini dan benda itu tak ada, saya rasa macam, aik, kenapa tak ada? Jadi saya rasa saya yang berasal dari Terengganu memang sangat menerima tulisan Jawi.	<ul style="list-style-type: none"> ● Nama kedai dalam tulisan Jawi. ● Penggunaan Jawi yang meluas di Terengganu. ● Tiada penggunaan Jawi di kawasan lain. 	Penempatan mempengaruhi tahap penerimaan Jawi.
R2	Jadi untuk soalan pertama, pada pandangan saya sendirilah penempatan sangat memainkan peranan terhadap penerimaan seseorang terhadap bahasa Jawi atau tulisan Jawi, maafkan saya. Sebab contohkan saya seorang yang tinggal di Selangor. Selangor lazimnya tak bolehlah, jaranglah kita nampak tulisan Jawi di signboard apa semua. Tapi macam bila saya duduk di Terengganu, memang ratarata	<ul style="list-style-type: none"> ● Tiada penggunaan Jawi di kawasan lain. ● Penggunaan Jawi yang meluas di Terengganu. ● 	

bersambung

	signboard itu diguna pakai tulisan Jawi. Jadi rasa rasa penempatan sangat memainkan peranan penting dalam penerimaan tulisan Jawi.		
R3	Pada pandangan saya, penempatan seseorang bukanlah satu faktor yang akan mempengaruhi penerimaan mereka terhadap Jawi. Hal ini kerana saya sendiri berasal daripada Selangor dan sekolah di Kuala Lumpur, saya tidak rasa ia mempengaruhi penerimaan saya terhadap Jawi, serta rakan-rakan saya.	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mempengaruhi penerimaan Jawi. 	
R4	Pada pendapat saya, ya saya sangat bersetuju bahawa penempatan seseorang mampu mempengaruhi penerimaan mereka terhadap Jawi. Ok, hal ini kerana saya percaya di mana kita, kawasan penempatan kita itu sangat mempengaruhi kerana kita membesar dalam keadaan tersebut. Kita membesar dalam kawasan di mana apa yang orang amalkan itu yang kita akan amalkan jugalah. Jadi jika penempatan yang kita duduk itu andai kata tidak didedahkan dengan penggunaan Jawi, jadi kita pun akan rasa kekok, akan rasa tak terbiasa dengan tulisan Jawi itu sendiri. Apatah lagi penerimaan untuk tulisan Jawi itu.	<ul style="list-style-type: none"> • Membesar dalam persekitaran Jawi. • Mengikuti amalan orang di kawasan tempat tinggal. • Rasa kekok dengan Jawi jika tidak biasa. 	
R5	Jawapan saya, ya. Kerana kalau kita lihat di Selangor, pengaruh Jawi kurang. Kalau kita lihat Pahang, Terengganu, Kelantan, dia ada persekitaran environment Jawi. So, bagi saya, penempatan seseorang tu mampu mempengaruhi penerimaan mereka terhadap Jawi.	<ul style="list-style-type: none"> • Selangor kurang penggunaan Jawi. • Persekitaran Jawi yang kuat di negeri Pantai Timur. 	

Berdasarkan jadual 5, pengkaji mendapati majoriti responden bersetuju bahawa penempatan seseorang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat negeri-negeri pantai timur seperti Kelantan dan Terengganu sangat menerima penggunaan Jawi dalam kehidupan sehari-hari mereka sehingga hampir kesemua papan tanda perniagaan dan nama jalan menggunakan tulisan Jawi seperti yang dinyatakan oleh responden pertama dan kedua. Hal ini sangat bertepatan dengan Undang-Undang Perlesenan Perniagaan Kelantan 1995 yang mewajibkan semua papan tanda perniagaan, papan iklan serta nama jalan ditulis menggunakan tulisan Jawi (Alhijrah, 2019). Langkah ini dilakukan agar warisan Melayu terus dikenalkan dan dikembangkan kepada generasi akan datang. Responden pertama dan kedua juga menambah bahawa mereka terkejut melihat negeri lain yang tidak menggunakan tulisan Jawi pada papan tanda perniagaan dan nama jalan seterusnya menguatkan pandangan mereka mengenai tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar sangat berkait rapat dengan penempatan seseorang.

Selain itu, responden keempat menjelaskan penempatan seseorang juga dipengaruhi oleh persekitaran seseorang dalam menerima tulisan Jawi. Hal ini karena seseorang yang tidak dibesarkan dalam persekitaran yang menggunakan Jawi dalam kehidupan sehari-hari pasti mempunyai tahap penerimaan yang berbeza. Mereka juga akan berasa kekok dengan tulisan Jawi tersebut kerana kawasan penempatan mereka tidak mengamalkan penggunaan tulisan Jawi dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini

dikuatkan dengan pernyataan responden keempat yang berbunyi “Jadi jika penempatan yang kita duduk itu andai kata tidak didedahkan dengan penggunaan Jawi, jadi kita pun akan rasa kekok, akan rasa tak terbiasa dengan tulisan Jawi itu sendiri.” Perkara ini sekali gus menguatkan fakta bahawa penempatan mempengaruhi tahap penerimaan pelajar UIAMKP terhadap tulisan Jawi. Namun, responden ketiga menyatakan pandangan yang berbeza dengan tidak bersetuju terhadap pernyataan bahawa penempatan mempengaruhi tahap Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Hal ini dikatakan demikian kerana penerimaan terhadap tulisan Jawi bergantung pada diri sendiri serta jenis pendidikan yang diterima. Sebagai contoh, responden ketiga menyatakan bahawa beliau tinggal di Selangor dan bersekolah di Kuala Lumpur sehingga mengenali tulisan Jawi seterusnya menerima tulisan Jawi dalam kehidupannya. Hal ini jelas menunjukkan pada pandangan responden ketiga, penempatan tidak mempengaruhi tahap penerimaan seseorang terhadap tulisan Jawi.

Faktor Pendidikan

Untuk soalan temu bual yang kedua, pengkaji memfokuskan faktor latar belakang pendidikan yang mampu mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Setiap jawapan responden telah dikod oleh pengkaji seterusnya membentuk tema yang menjawab soalan yang berkaitan faktor latar belakang pendidikan. Hasil analisis tematik soalan kedua boleh dirujuk pada jadual 6 yang berpandukan soalan ‘Pada pandangan anda, adakah latar belakang pendidikan memberikan hasil penerimaan terhadap tulisan Jawi yang berbeza?’.

Jadual 6 Analisis Tematik Soalan Temu Bual Kedua

Responden	Data	Kod	Tema
R1	Saya rasa latar belakang pendidikan juga mempengaruhi penerimaan tulisan Jawi sebab bagi saya, orang yang mempunyai latar belakang pendidikan yang mungkin ke arah yang lebih memfokuskan agama seperti Syariah atau apa, yang itu lagi menerima tulisan Jawi sebab dia orang lagi terlibatlah dengan tulisan tulisan itu.	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan agama berkait rapat dengan Jawi. • Penglibatan Jawi secara langsung dalam pendidikan. 	Tahap penerimaan Jawi sangat berkait rapat dengan latar belakang pendidikan agama.
R2	Pada pendapat saya itu benda yang betul. Sebab kenapa contohnya macam seorang yang hanya mengambil sekolah jenis kebangsaan biasa tidak akan ada jenis penerimaan yang sama dengan orang yang berada di sekolah agama. Macam kalau kita masuk ke sekolah agama, Jawi itu benda yang biasa kita akan pakai kan. Tapi macam bila kita sekolah kebangsaan, tak adalah itu benda yang diemphasise sangat kan. Jadi sebenarnya dia main peranan nak tak nak kita kena acknowledge benda ni.	<ul style="list-style-type: none"> • SJK tidak didedahkan dengan Jawi. • Sekolah agama ada pembelajaran Jawi. • SK tidak terlalu mendapat perhatian mengenai Jawi. 	
R3	Pada pandangan saya, latar belakang pendidikan sangatlah memberikan peranan penting tentang penerimaan Jawi kerana saya perasan kawan-kawan yang sama-sama sekolah rendah agama dengan saya berbanding dengan sekolah kebangsaan,	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan agama memberikan hasil 	

bersambung

	tahap penerimaan Jawi mereka sangatlah berbeza. Ada yang mampu membaca dan ada yang langsung tidak mampu membaca. Ada juga yang mampu membaca tapi merangkak-rangkak. Jadi, ia sangatlah faktor besar jugalah.	penerimaan yang berbeza. <ul style="list-style-type: none"> ● Tanpa pendidikan, penguasaan Jawi menjadi lemah. 	
R4	Ok, ini pun saya bersetuju bahawa latar belakang pendidikan sangat mempengaruhi hasil penerimaan seseorang individu terhadap tulisan Jawi kerana saya percaya seseorang individu yang memiliki latar belakang pendidikan yang lebih luas bidang ilmunya itu lebih senang untuk terima Jawi berbanding orang yang tidak menerima pendidikan. Misalnya langsung tidak bersekolah, dia tidak diberikan pendedahan dengan bahasa dan tulisan lain selain bahasa Melayu yang mana bahasa Melayu hanya digunakan dalam pertuturan. Tapi tulisan Jawi kalau tak didedahkan apatah lagi khususnya dalam kawasan sekolah, susah untuk orang terima tulisan Jawi itu.	<ul style="list-style-type: none"> ● Orang banyak ilmu lebih menerima Jawi. ● Pendedahan terhadap Jawi secara formal. 	
R5	Pada pandangan saya, latar belakang pendidikan juga memainkan peranan dalam penerimaan terhadap tulisan Jawi. Kerana kalau kita lihat, mereka yang orang kata bagus dalam Jawi, biasanya mereka dari latar belakang sekolah agama macam saya. Walaupun saya duduk Selangor, tapi penerimaan Jawi tu, kemahiran Jawi tu, tetap ada sebab saya dulu berlatar belakang sekolah agama.	<ul style="list-style-type: none"> ● Jawi berkait rapat dengan sekolah agama. 	

Kelima-lima responden bersetuju bahawa latar belakang pendidikan memberikan pengaruh yang sangat besar terhadap tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran di sekolah khususnya subjek agama menggunakan tulisan Jawi dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Responden pertama menyatakan bahawa “orang yang mempunyai latar belakang pendidikan yang mungkin ke arah yang lebih memfokuskan agama seperti Syariah atau apa, yang itu lagi menerima tulisan Jawi sebab dia orang lagi terlibatlah dengan tulisan itu” dan ini menunjukkan penggunaan tulisan Jawi sangat signifikan dengan pembelajaran agama. Hal tersebut juga disokong oleh responden ketiga dan kelima dengan menyatakan bahawa mereka yang pernah bersekolah agama dan mempelajari Jawi pasti mempunyai tahap penerimaan serta penguasaan Jawi yang tinggi. Mereka yang tidak didedahkan dengan persekitaran tersebut pasti memberikan hasil yang sebaliknya.

Seterusnya, responden kedua menyatakan terdapat perbezaan yang ketara terhadap tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP berdasarkan jenis sekolah yang pernah mereka hadiri. Sebagai contoh, pelajar yang bersekolah di sekolah agama mempunyai tahap penerimaan yang tinggi, berbeza pula dengan mereka yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang mana tahap penerimaan mereka tidak sama kerana mereka tidak didedahkan dengan penggunaan tulisan Jawi di bangku sekolah. Hal ini disokong oleh Mohd Saifun Aznin Mohd Sharif (2024) yang menyatakan penguasaan terhadap tulisan Jawi mampu meningkatkan pemahaman serta penerimaan teks-teks berkaitan pendidikan agama Islam. Oleh itu, responden kedua menegaskan keperluan untuk mengakui bahawa latar belakang pendidikan memainkan peranan dalam mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP.

Selain itu, responden keempat turut bersetuju dengan kenyataan bahawa latar belakang pendidikan mempengaruhi tahap penerimaan Jawi namun dengan justifikasi yang berbeza. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang mempunyai pelbagai ilmu tidak kira bidang pasti akan menerima tulisan Jawi dalam kehidupan mereka. Hal ini bertepatan dengan pernyataan “saya percaya seseorang individu yang memiliki latar belakang pendidikan yang lebih luas bidang ilmunya itu lebih senang untuk terima Jawi berbanding orang yang tidak menerima pendidikan”. Berbeza pula dengan mereka yang tidak menerima pendidikan secara formal sudah pasti tidak didedahkan dengan tulisan Jawi seterusnya memberikan tahap penerimaan yang rendah.

Faktor Minat

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, minat dapat ditakrifkan sebagai keinginan, kesukaan atau kecenderungan kepada sesuatu. Oleh itu, berdasarkan definisi tersebut, pengkaji ingin melihat sejauh mana faktor minat mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP dan perkara ini pengkaji tekankan dalam soalan yang ketiga. Setiap jawapan responden telah dikod oleh pengkaji seterusnya membentuk tema yang menjawab soalan yang berkaitan faktor minat. Jadual 7 menunjukkan hasil analisis tematik untuk soalan ketiga yang berpandukan soalan ‘Sejauh manakah minat seseorang terhadap tulisan Jawi itu mempengaruhi penerimaan mereka terhadap Jawi?’.

Jadual 7 Analisis Tematik Soalan Temu Bual Ketiga

Responden	Data	Kod	Tema
R1	Saya rasa minat itu memang sangat mempengaruhi. So, kadang-kadang orang macam tak minat yang tulis tulisan Jawi kan. Macam saya, saya pun kurang minat. Tapi saya menerima juga. Tapi kalau orang yang memang minat, rasanya mereka lagi menerima daripada saya.	<ul style="list-style-type: none"> Lagi minat, lagi menerima Jawi. 	Minat memainkan peranan besar dalam tahap penerimaan Jawi.
R2	Yang ini menarik. Sebab pada pendapat saya sebenarnya kalau seseorang itu sejenis yang suka guna pakai tulisan Jawi sebab macam kadang-kadang kan kita cakap dengar sesuatu macam exam ke kita jawab bahasa Melayu, paper yang esei itu, kadang-kadang kan kita sebenarnya boleh je jawab dalam Jawi tapi ramai orang pilih untuk jawab dalam rumi. Jadi pada pendapat saya kalau orang itu memang sendiri yang pilih untuk tulis dengan tulisan Jawi, mesti dia orang yang sendiri yang awalnya memang minat dengan penulisan Jawi. Jadi memang pada pendapat saya kalau orang itu minat Jawi, dia orang akan menggunakan.	<ul style="list-style-type: none"> Pilihan sendiri Penggunaan Jawi dalam peperiksaan. 	
R3	Oh, saya rasa minat sangatlah menjadi peneraju ulung, peneraju utama terhadap tulisan Jawi sebab saya sendiri, walaupun saya daripada sekolah rendah agama, ada juga di kalangan rakan-rakan saya yang walaupun sekolah rendah agama tapi mereka tidak minat untuk tulis tulisan Jawi. Jadinya, ia sangatlah memberi kesan apabila mereka menjawab exam.	<ul style="list-style-type: none"> Sekolah agama tapi, tidak minat Jawi. Penggunaan Jawi dalam peperiksaan. Memupuk minat dari awal. 	

bersambung

	Kerana kami akan menulis dalam Jawi lah kan sebab sekolah rendah agama. Jadi, kalau tadi minat memang tidak boleh nak buat apa-apa. Minat tu perlu dipupuk dari awal.		
R4	Ok, bagi saya jika seseorang individu itu sangat berminat pada tulisan Jawi, maka mereka akan mempunyai tahap penerimaan tulisan Jawi yang sangat tinggi. Contohnya, minat terhadap tulisan Jawi contohnya penulisan khat, dia adalah salah satu seni tulisan. Jadi apabila ada minat dalam diri jadi mereka mudah untuk menerima tulisan Jawi tersebut dalam diri mereka sendiri.	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan khat. 	
R5	Kita lihat pada minat seorang lah, jika ada pendedahan dari kecil, maknanya mereka cenderung untuk minat tulisan Jawi. Jika sesetengah ibu bapa tidak mendedahkan mereka, jadi mereka tidak berminat untuk menerima tulisan Jawi.	<ul style="list-style-type: none"> • Pendedahan dari awal. • Peranan ibu bapa dalam memupuk minat. 	

Hasil analisis mendapati bahawa minat memberikan pengaruh yang sangat besar terhadap tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Kesemua responden bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan kenyataan responden pertama iaitu “Tapi kalau orang yang memang minat, rasanya mereka lagi menerima daripada saya”. Pernyataan ini jelas membuktikan bahawa semakin tinggi minat seseorang dalam tulisan Jawi, semakin tinggi tahap penerimaan mereka dalam kehidupan sehari-hari. Minat yang tinggi dan signifikan mampu memberikan tahap penerimaan yang tinggi dan sebaliknya. Mohd Mazhan Tamyis et al. (2021) menyatakan minat seseorang terhadap tulisan Jawi boleh berubah seiring dengan pertambahan waktu serta perkembangan diri selepas tamat persekolahan dan menempuh alam kerjaya. Hal ini jelas membuktikan minat juga boleh berubah seiring berjalannya waktu seseorang dengan persekitaran Jawi.

Selain itu, responden kedua dan ketiga menjelaskan bahawa minat juga boleh terbit melalui pilihan sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana kita diberikan pilihan untuk menggunakan tulisan Jawi ketika menjawab peperiksaan. Sebagai contoh, peperiksaan SPM terutama subjek Bahasa Melayu, pelajar diberikan pilihan untuk menulis karangan dalam tulisan Rumi atau tulisan Jawi. Jika seseorang yang memang meminati tulisan Jawi, maka mereka akan menulis karangan mereka menggunakan tulisan Jawi. Responden ketiga juga menambah walaupun rakan-rakannya bersekolah rendah agama, terdapat segelintir daripada mereka yang tidak meminati tulisan Jawi. Kesannya, mereka mengalami kesukaran untuk menjawab peperiksaan kerana diwajibkan kepada para pelajar untuk menjawab menggunakan tulisan Jawi. Perkara ini dibuktikan melalui pertambahan kata pinjaman bahasa Inggeris yang tidak mempunyai perkataan yang sesuai dalam tulisan Jawi seterusnya menyukarkan masyarakat untuk mempelajari tulisan Jawi tersebut (Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz, 2020). Hal ini menjadikan tahap penerimaan tulisan Jawi mereka semakin rendah.

Seterusnya, pemupukan minat terhadap tulisan Jawi perlu dilakukan sejak awal dengan menggunakan kaedah tertentu. Menurut responden kelima, ibu bapa peranan yang besar dalam memupuk minat pelajar terhadap tulisan Jawi kerana kegagalan ibu bapa memupuk minat mereka terhadap tulisan Jawi akan memberikan kesan terhadap tahap penerimaan Jawi dalam kehidupan sehari-hari mereka. Responden keempat menyatakan bahawa minat yang tinggi akan meningkatkan penerimaan tersebut. Contohnya, tulisan Khat yang menggunakan Jawi sebagai salah satu seni tulisan. Seseorang yang meminati tulisan Khat ini pasti tidak akan lari daripada menggunakan tulisan Jawi dalam hasil seni mereka. Perkara ini mampu meningkatkan tahap penerimaan mereka terhadap tulisan Jawi tersebut.

Faktor Penggunaan Tulisan Rumi

Tulisan Rumi merupakan tulisan rasmi negara Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Bahasa Melayu 1963. Justeru, pengkaji ingin melihat keupayaan penggunaan tulisan Rumi pada hari ini dalam memberi kesan terhadap tahap penerimaan Jawi. Soalan keempat dalam temu bual ini memfokuskan mengenai penggunaan tulisan Rumi terhadap tulisan Jawi. Hasil dapatan boleh dirujuk melalui jadual 8 berpandukan soalan ‘Adakah penggunaan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi mempengaruhi penerimaan seseorang terhadap tulisan Jawi pada hari ini?’.

Jadual 8 Analisis Tematik Soalan Temu Bual Keempat

Responden	Data	Kod	Tema
R1	Saya rasa mempengaruhi sebab orang yang dah terbiasa dengan tulisan Rumi, dia orang biasanya akan menolak penggunaan tulisan Jawi. Contohnya macam saya cakap tadilah kedai-kedai, signboard kedai, kita tak nampak benda itu digunakan secara meluas. Mungkin di negara, eh mungkin di negari pantai timur saja.	<ul style="list-style-type: none"> • Tulisan Rumi menjadi kebiasaan. 	Tulisan Rumi telah menjadi norma masyarakat. Tulisan Jawi semakin dipinggirkan.
R2	Berkenaan dengan soalan ini, pada pendapat saya adalah benda yang betul sebab sekarang ni kan tulisan Rumi itu adalah tulisan rasmi. Macam mana cara dia mempengaruhi tulisan Jawi hari ini adalah bila terlalu banyak kita menggunakan pakai tulisan Rumi, dia sampaikan rata-rata orang dah lupa macam mana nak tulis dalam bahasa Jawi, apa benda orang dah tak boleh nak keep up to date, orang dah tak tahu sangat apa benda kemaskini pasal penggunaan bahasa Jawi, Hamzah dia ke Alif dia ke Nun dia ke sebab kita kan banyak tak update kalau dalam bahasa Jawi compare to dulu sebab macam perbezaan macam cahaya dulu dengan cahaya sekarang pun lain. Jadi sebenarnya penggunaan tulisan Rumi ni lagi-lagi bila orang dah start macam lupakan macam saya dah tak rasa sekarang ni kalau SPM, sekarang ada SPM lagi ya? Saya tak rasa sekarang kalau SPM orang akan macam emphasize macam kita boleh je guna bahasa Jawi dekat dalam paper as much as it was back then.	<ul style="list-style-type: none"> • Lupa untuk menulis Jawi. • Penggunaan Jawi semakin kurang. • Tiada perkembangan mengenai tulisan Jawi. 	
R3	Betul. Saya rasa ia sangat mempengaruhi penerimaan seorang terhadap tulisan Jawi sebabnya mereka akan rasa saya tengah bercakap dalam bahasa Melayu. Tapi ada dua jenis tulisan the alphabets dengan tulisan Jawi. Jadi, mungkin pada mereka tidak ada perlunya untuk mengetahui tulisan Jawi yang sebenar. Ejaan yang sebenar dan selanjutnya. Mereka boleh saja	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak tahu bahasa Melayu ada tulisan Jawi. • Bahasa Melayu hanya diwakili oleh tulisan Rumi. 	

bersambung

	menggunakan alphabets abjad biasa untuk menulis.		
R4	Ok, bagi saya penggunaan tulisan Rumi seperti yang kita sedia maklumlah sekarang memang kita gunakan tulisan Rumi dalam setiap perkara. Dia sedikit sebanyak mempengaruhi penerimaan sebab apabila kita terlalu banyak menggunakan tulisan Rumi kita tidak didekah dengan tulisan Jawi. Bahkan ada masyarakat yang langsung tak boleh baca pun dalam tulisan Jawi. Jadi penggunaan tulisan Rumi tanpa adanya orang cakap terjemahan dalam tulisan Jawi membuatkan ramai orang sukar untuk menerima tulisan Jawi itu dalam kehidupan sehari-hari apatah lagi dalam urusan urusan penting yang rasmi.	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan tulisan Rumi yang meluas • Kurang pendedahan terhadap Jawi. • Tulisan Rumi dalam urusan rasmi. 	
R5	Ya, bagi saya sebab tulisan Rumi di Malaysia menggunakan tulisan Rumi. Dalam masa yang sama, tulisan Jawi, sekarang kita susah nak nampak. Surat khabar Jawi pun ada satu ya, Utusan. So, sukarlah untuk anak muda untuk mendapat bahan-bahan bacaan Jawi.	<ul style="list-style-type: none"> • Akhbar Jawi yang terhad. • Kesukaran mendapatkan bahan bacaan Jawi. 	

Jadual 8menunjukkan kesemua responden bersetuju bahawa penggunaan tulisan Rumi sangat mempengaruhi tahap penerimaan pelajar UIAMKP terhadap tulisan Jawi. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan tulisan Rumi dalam urusan rasmi, formal maupun tidak formal telah mengurangkan penggunaan Jawi dalam segenap aspek kecuali pendidikan agama. Responden pertama menyatakan bahawa “orang yang dah terbiasa dengan tulisan Rumi, dia orang biasanya akan menolak penggunaan tulisan Jawi” dan ini menunjukkan penggunaan tulisan Rumi telah menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat khususnya para pelajar. Responden keempat juga menambah “Jadi penggunaan tulisan Rumi tanpa adanya orang cakap terjemahan dalam tulisan Jawi membuatkan ramai orang sukar untuk menerima tulisan Jawi itu dalam kehidupan sehari-hari apatah lagi dalam urusan urusan penting yang rasmi”. Aminnudin Saimon dan Nur Hidayah Takmad (2023) bersetuju terhadap pernyataan responden keempat dengan menyatakan majoriti masyarakat pada hari ini tidak nampak kelebihan serta kepentingan penggunaan tulisan Jawi dalam kehidupan sehari-hari terutama dalam urusan rasmi. Hal ini jelas membuktikan bahawa penggunaan tulisan Rumi dalam urusan rasmi menyebabkan segelintir orang tidak tahu untuk membaca dan menulis dalam Jawi.

Selain itu, terdapat juga segelintir masyarakat yang tidak tahu bahawa tulisan Jawi merupakan sebahagian daripada bahasa Melayu seperti yang diterangkan oleh responden ketiga. Hal ini kerana apabila seseorang bercakap dalam bahasa Melayu, kebanyakan orang akan membayangkan perkataan-perkataan dalam tulisan Rumi dan bukannya Jawi. Penjajahan orang barat yang memperkenalkan tulisan Rumi serta keputusan orang Melayu sendiri untuk menggunakan tulisan Rumi sebagai tulisan utama di negara ini menjadikan masyarakat semakin jauh daripada tulisan Jawi (Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz, 2020). Perkara ini tentu akan menjelaskan tahap penerimaan mereka terhadap tulisan Jawi kerana mereka merasakan tiada keperluan untuk menerima tulisan Jawi berikutan keberadaan tulisan Rumi dalam urusan sehari-hari.

Seterusnya, responden kedua menyatakan “bila terlalu banyak kita menggunakan pakai tulisan Rumi, dia sampaikan rata-rata orang dah lupa macam mana nak tulis dalam bahasa Jawi, apa benda orang dah tak boleh nak keep up to date,” menunjukkan bahawa pelajar terlalu selesa dengan penggunaan tulisan Rumi sehingga tidak menyedari bahawa tulisan Jawi diancam kepupusan jika tidak dipelihara. Responden kelima pula menyatakan bahawa kurangnya bahan bacaan Jawi dek penggunaan

tulisan Rumi memberi kesan yang besar kepada tahap penerimaan tulisan Jawi. Sebagai contoh, akhbar-akhbar Jawi pada hari ini sudah pupus ditelan zaman kecuali beberapa keratan akhbar Jawi dalam Utusan Melayu. Hal ini bertepatan dengan pernyataan responden kelima iaitu “Surat khabar Jawi pun ada satu ya, Utusan”. Perkara ini sangat bertentangan dengan zaman sebelum kemerdekaan yang mana hampir semua akhbar menggunakan tulisan Jawi termasuk pengisytiharan kemerdekaan (Mohamed Azam Mohamed Adli, 2019). Kesannya, para pelajar tidak mudah untuk mendapatkan bahan bacaan Jawi kerana kemunculan akhbar-akhbar tulisan Rumi yang sangat banyak.

Faktor Teknologi dan Modernisasi

Pada era globalisasi ini, semua perkara tidak dapat lari daripada arus pemodenan dan perkembangan teknologi, termasuk ilmu bahasa Melayu dan tulisan Jawi. Oleh itu, pengkaji ingin menghuraikan teknologi dan modernisasi menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Soalan berkaitan faktor ini dikemukakan dalam soalan kelima iaitu ‘Adakah penggunaan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi mempengaruhi tahap penerimaan seseorang terhadap tulisan Jawi pada hari ini?’ dan jawapan tersebut telah dikod dan membentuk tema seperti dalam jadual 9.

Jadual 9 Analisis Tematik Soalan Temu Bual Kelima

Responden	Data	Kod	Tema
R1	Bagi saya, dia macam ada pros dan cons sebab teknologi dan modernisasi ini macam kita tahu, dia memudahkan kita kan. Tapi kalau teknologi dan modernisasi itu macam hanya fokus dekat tulisan lain, macam tulisan Rumi, tulisan Inggris, tulisan apa-apa, so yang itu akan membuatkan orang lain menolak tulisan Jawi. Tapi kalau kita gunakan sebaiknya teknologi ini, boleh juga kitajadikan dia macam asbab tulisan Jawi makin berkembang ataupun dikenali balik.	<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi membantu perkembangan tulisan Jawi. • Teknologi banyak mengetengahkan tulisan lain 	Teknologi dan modernisasi mempengaruhi tahap penerimaan Jawi secara positif atau negatif.
R2	Pada pendapat saya teknologi dan modernisasi sebenarnya boleh memberi apa tu? Kesan positif. Tapi itu bergantung kepada apa benda yang orang tu sendiri engage. Sebab macam contoh kan kita dekat media sosial kita ada satu benda yang kita panggil algorithm kan? Jadi kalau kita tidak sedikit pun engage dengan benda-benda yang berkaitan dengan kita punya negara. Especially berkaitan dengan Jawi. Contoh macam kalau macam kat sekarang ni kan kalau kat TikTok kan ada banyak macam boleh baca Jawi lepastu kita swipe lepastu ada benda lain dalam Jawi kan. Betul benda-benda biasa. Jadi pada pendapat saya, so teknologi ni sebenarnya benda yang bagus. Kita boleh je bagi penilaian yang positif dekat penerimaan Jawi. Tapi itulah itu bergantung kepada macam mana orang tu punya algorithm atau macam itulah macam itulah. Baiklah algorithm ya.	<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi berikan kesan positif. • Algoritma memainkan peranan. • Bergantung pada diri sendiri. 	

bersambung

R3	Kalau nak kaitkan dengan teknologi, kita akan kait dengan telefon bimbit lah bagi saya sebab itu yang kita akan guna setiap hari. Jadinya jarang kita akan nampak orang setting tetapan telefon bimbit mereka dalam Jawi ataupun Arab. Jadinya, pendedahan mereka terhadap tulisan Jawi itu sangat tipis. Terutamanya dengan adanya teknologi dan modernisasi ini.	<ul style="list-style-type: none"> • Tetapan telefon dalam Jawi. • Pendedahan yang sangat kurang. 	
R4	Ok, bagi teknologi dan modernisasi seperti yang kita tahu sekarang ni teknologi sangat canggih, sangat moden. Jadi sangat sayang lah kalau kita tak menggunakan teknologi itu untuk memperkenalkan Jawi kepada masyarakat. Jadi kalau ada individu atau pihak kerajaan sendiri yang menggunakan teknologi dan modernisasi ini untuk memperkenalkan Jawi, jadi tahap penerimaan itu lebih meluas meliputi seluruh masyarakat di segenap pelosok negara sebab ia melibatkan teknologi. Tak ada orang yang tak menggunakan teknologi sekarang.	<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi mampu berikan kebaikan. • Meningkatkan tahap penerimaan. • Tanggungjawab individu dan kerajaan dalam penggunaan teknologi. 	
R5	Bagi saya, teknologi ini seakan-akan menjauhkan anak muda daripada menerima tulisan Jawi sebab kita lihat konten sekarang ini banyak pada bahasa, bukan pada tulisan. Okey, faham. Dia lebih bahasa Inggeris dan bahasa Arab.	<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi menjauhkan orang daripada menerima Jawi. 	

Jadual 9 menunjukkan hasil analisis berkaitan teknologi dan modernisasi yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Hanya responden keempat sahaja yang bersetuju secara positif bahawa teknologi dan modernisasi ini mempengaruhi tahap penerimaan Jawi. Hal ini dikatakan demikian kerana peranan individu dan kerajaan yang proaktif dalam memperluas maklumat berkaitan Jawi kepada masyarakat. Hal ini dibuktikan melalui pernyataan responden keempat iaitu “Jadi kalau ada individu atau pihak kerajaan sendiri yang menggunakan teknologi dan modernisasi ini untuk memperkenalkan Jawi, jadi tahap penerimaan itu lebih meluas meliputi seluruh masyarakat” dan sangat disayangkan jika pihak-pihak berkenaan tidak mengambil peluang untuk meningkatkan tahap penerimaan tulisan Jawi melalui teknologi dan media sosial.

Selain itu, terdapat responden yang tidak pasti mengenai faktor teknologi dan modernisasi yang mampu mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan teknologi membantu memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai seni dan budaya Melayu termasuk tulisan Jawi. Perkara ini pasti memberikan kesan positif dan negatif bergantung kepada individu tersebut. Menurut responden pertama, teknologi seharusnya memudahkan kita mendapatkan maklumat berkaitan tulisan Jawi. Namun, pada pandangan beliau teknologi sekarang lebih berfokus kepada tulisan lain seperti Rumi dan sudah pasti perkara ini memberikan kesan terhadap tahap penerimaan Jawi. Perkara disokong oleh Nazatul Nadia Ahmad Ismail dan Harun Baharudin (2023) yang dilihat melalui penggunaan tulisan Jawi yang masih relevan sehingga hari ini walaupun kekerapan penggunaan tulisan Jawi tidak meluas seperti zaman dahulu.

Di samping itu, responden kedua menyatakan penggunaan teknologi ini bergantung kepada diri sendiri sama ada inigin menggunakannya untuk mempopularkan dan menerima Jawi atau sebaliknya. Tamsilnya, aplikasi Tik Tok mempunyai algoritma yang mampu mengesan kecenderungan seseorang terhadap sesuatu kandungan atau maklumat. Jika video yang ditonton berkaitan tulisan Jawi lebih lama, maka algoritma akan memaparkan hasil berkaitan dengan tulisan Jawi pada video berikutnya.

Kesannya, tahap penerimaan pelajar terhadap tulisan Jawi akan meningkat. Hal ini menunjukkan bahawa responden kedua juga tidak pasti mengenai tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP berkait rapat dengan teknologi dan modenisasi.

Seterusnya, teknologi pada hari ini tidak banyak mendedahkan mengenai tulisan Jawi. Hal ini berkait rapat dengan kecenderungan seseorang serta pilihan yang terdapat dalam teknologi tersebut. Responden ketiga menyatakan tidak ramai pelajar yang menggunakan tetapan Jawi dalam telefon mereka berbanding tulisan Rumi dan bahasa Inggeris berdasarkan ujaran “Jadinya jarang kita akan nampak orang setting, tetapan telefon bimbit mereka dalam Jawi ataupun Arab”.

Justeru, pendedahan mereka terhadap Jawi serta tahap penerimaan mereka menjadi rendah. Responden kelima menyokong dengan menyatakan teknologi pada hari ini semakin menjauhkan para pelajar daripada tulisan Jawi. Hal ini dikatakan demikian kerana kandungan-kandungan dalam media sosial lebih berfokus kepada bahasa dan bukan tulisan seperti ujarannya “teknologi ini seakan-akan menjauhkan anak muda daripada menerima tulisan Jawi sebab kita lihat konten sekarang ini banyak pada bahasa, bukan pada tulisan”. Justeru, kedua-dua responden bersetuju bahawa teknologi dan modenisasi mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP dalam bentuk yang negatif. Setelah data-data ini dipersembahkan dalam bentuk jadual dan dianalisis, kod-kod bagi setiap jawapan dapat dikenalpasti dan tema dapat dikeluarkan berdasarkan kod-kod tersebut. Pengkodan merupakan suatu proses yang wajib dihadapi oleh pengkaji untuk menentukan tema bagi setiap soalan. Hal ini kerana, pengkaji lebih mudah untuk membuat analisis bagi data yang telah dikumpulkan. Berdasarkan jadual-jadual tersebut, pengkaji berjaya mengeluarkan tema-tema melalui soalan temu bual bersama responden iaitu;

- i. Penempatan mempengaruhi tahap penerimaan Jawi,
- ii. Tahap penerimaan Jawi sangat berkait rapat dengan latar belakang pendidikan agama,
- iii. Minat memainkan peranan besar dalam tahap penerimaan Jawi,
- iv. Tulisan Rumi telah menjadi norma masyarakat. Jawi semakin dipinggirkan, dan
- v. Teknologi dan modenisasi mempengaruhi tahap penerimaan Jawi secara positif atau negatif.

Berdasarkan kod dan tema yang telah dikenal pasti dan ditentukan ini, pengkaji dapat menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Pengkaji berjaya mengklasifikasikan faktor besar yang boleh menjadi penentu utama bagi setiap tema. Antaranya ialah;

- i. Faktor penempatan,
- ii. Faktor latar belakang pendidikan,
- iii. Faktor minat,
- iv. Faktor penggunaan tulisan Rumi, dan
- v. Faktor teknologi dan modenisasi.

Akhir sekali, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat lima faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP. Faktor-faktor tersebut ialah faktor penempatan, faktor latar belakang pendidikan, faktor minat, faktor penggunaan tulisan Rumi serta faktor teknologi dan modenisasi. Berdasarkan analisis yang dijalankan, faktor latar belakang pendidikan serta faktor minat menjadi faktor tahap penerimaan tulisan Jawi tertinggi dengan kelima-lima responden bersetuju dan menyokong faktor tersebut. Faktor teknologi dan modenisasi menjadi faktor terendah yang mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP dengan seorang responden sahaja yang bersetuju. Pengkaji juga berpandangan bahawa dapatkan objektif pertama dan kedua kajian ini mempunyai hubungan yang signifikan namun bersyarat. Hal ini dikatakan demikian kerana faktor-faktor yang telah dinyatakan mampu menyokong tahap penerimaan tulisan Jawi yang tinggi dalam kalangan pelajar walaupun hanya pada keadaan tertentu. Sebagai contoh, penempatan menjadi faktor tahap penerimaan yang hanya berfokus kepada negeri-negeri pantai timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Contoh lain dapat dilihat melalui latar belakang pendidikan juga memainkan faktor yang penting dalam tahap penerimaan Jawi tetapi hanya dikaitkan dengan pembelajaran agama Islam. Tuntasnya, faktor-faktor ini menyokong tahap penerimaan pelajar terhadap tulisan Jawi namun tidak secara holistik.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini berjaya membuktikan bahawa tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP berada pada tahap yang tinggi serta terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan tersebut. Kelima-lima faktor yang diuraikan juga sangat relevan dan signifikan dengan tahap penerimaan pelajar yang tinggi terhadap tulisan Jawi. Tuntasnya, melalui penelitian dan penganalisisan dapatkan kajian ini, pengkaji berjaya menjawab kedua-dua objektif kajian yang telah ditetapkan berdasarkan pemerolehan data melalui analisis terhadap soal selidik dan temuan bersemuka. Pengkaji berjaya mengupas data-data tahap penerimaan tulisan Jawi menggunakan analisis deskriptif melalui SPSS. Hasil dapatan menunjukkan para pelajar UIAMKP mempunyai tahap penerimaan Jawi yang tinggi berdasarkan purata min 4.509. Item ketujuh ‘Saya berasa bangga bila mampu membaca dan menulis Jawi’ menjadi penerimaan tertinggi dengan nilai min 4.89. Selain itu, item kedua ‘Saya suka membeli barang yang mempunyai tulisan Jawi’ memperoleh nilai min terendah iaitu 3.66 yang menunjukkan tahap penerimaan sederhana dalam kalangan pelajar terhadap barang bertulisan Jawi.

Seterusnya, faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi berjaya dianalisis menggunakan analisis tematik yang memfokuskan lima faktor iaitu faktor penempatan, faktor latar belakang pendidikan, faktor minat, faktor penggunaan tulisan Rumi serta faktor teknologi dan modenisasi. Terdapat dua faktor tertinggi yang mempengaruhi penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar, iaitu faktor latar belakang pendidikan serta faktor minat. Faktor teknologi dan modenisasi menjadi faktor terendah tahap penerimaan tulisan Jawi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAMKP masih tinggi serta terdapat faktor-faktor yang mempengaruhinya.

RUJUKAN

- Aminnudin Saimon dan Nurul Hidayah Takmad. (2023). Persepsi Mahasiswa Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, UIAM Terhadap Tulisan Jawi: *LSP International Journal*, 10(1), 103-122.
- Azura Halid. (2023, December 23). [KOLUMNIS] Kisah Jawi: Anak tiri atau anak jati? Astro Awani. Retrieved May 10, 2024, from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-kisah-jawi-anak-tiriatau-anak-jati-451069>.
- Diana Amalia, Lydia Felycia Tamara, Dyandra Prita Maharani, dan Febriana Indah Syahputri. (2024). Penerimaan Netizen Terhadap Citra Tokoh Politik Ganjar Pranowo dalam Tayangan Adzan di Televisi pada Media Sosial Tiktok. Nusantara: *Jurnal Ilmu Pengetahuan Sosial*, 11(1), 263-276.
- Habibah @ Artini Ramlie, Norshahrul Marzuki Mohd Nor, Abang Mohd. Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, Romzi Ationg, Muhammad Safuan Yusoff, dan Mohamad Basri Jamal (2021) Isu pengenalan tulisan jawi dan khat di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dari sudut pandang mahasiswa. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IEPC)*, 6. 235-255.
- Marzni Mohamad Mohd Mazhan Tamyis, Zahari Suppian, dan Nor Hasnida Che Md. Ghazali. (2021). Bidang Jawi dalam Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah: Satu Analisis Literatur. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(2), 48-64.
- Mohamed Farid Noh. (2020, January 8). Johor cadang guna borang nikah tulisan Jawi sepenuhnya. Berita Harian. <https://www.bhariani.com.my/berita/wilayah/2020/01/644770/johor-cadangguna-borang-nikah-tulisan-jawi-sepenuhnya>
- Mohd Saifun Aznin Mohd Sharif, Mior Muhammad Saiful Nizam Mohd Saali, Kamarudin, M. F., Esrati, M. Z., dan Kamarulzaman, M. H. (2024). Tahap Penguasaan Tulisan Jawi Dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(1), 274-283.
- Nazatul Nadia Ahmad Ismail, dan Harun Baharudin. (2023). Pengetahuan Jawi Bagi Kata Pinjaman Inggeris dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah dan Faktor yang Mempengaruhinya Jawi. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 3(3), 22-38.
- Noorain Syahirah Mohd Pazli, dan Aminnudin Saimon. (2022) Tahap penguasaan tulisan Jawi: tinjauan terhadap golongan muda, pertengahan dan warga emas. *International Young Scholars Journal of Languages*, 5 (1), 128-137.
- Nor Asma Muhamat Laila. (2022). UPSI tawar kursus pengajian minor Jawi, lahir graduan berkebolehan dalam bidang jawi. Sinar Bestari. https://sinarbestari.sinarharian.com.my/buletin/upsitawarkursuspengajianminor-jawi-lahir-graduan-berkebolehan-dalam-bidang-jawi#google_vignette

- Nor Fadzilah Md. Yusof, Wan Hashridz Rizal Wan Abu Bakar, Nur Aulia Fahada Misaridin, dan Mohd Khairull Abd Ghani. (2021). Penerimaan Jawi: Hubungan di antara Faktor Demografi dan Tahap Penerimaan Jawi. *Qawwam: The Leader's Writing*, 2(2), 165-169.
- Norahida Mohamed, Azlina Abdullah Hasim, Safiah Abd Razak, dan Aida Farkhana Ahmad Puhad. (2021). Polemik Tulisan Jawi Di Malaysia: Kajian Terhadap Penerimaan Masyarakat Cina. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(41), 190 - 194.
- Noraziah Mohd Amin, dan Noor Azam Abdul Rahman. (2019). Persepsi Pelajar Melayu UNITEN terhadap Pembelajaran Tulisan Jawi di Pelbagai Peringkat Pendidikan di Malaysia: Sejauh Mana Usaha-usaha Meluaskan Pembelajaran Jawi Dapat Dilaksanakan. *Sains Insani*, 4(1), 7-14.
- Norhashimah Yahya dan Syed Hadzrullatfi Syed Omar. (2019). Konsep Penerimaan Menurut Al-Ghazali dan Maslow: Satu Kajian Perbandingan. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 2, 39-46.
- Normarina Abd Rahman, Siti Eshah Mokshein, dan Hishamuddin Ahmad. (2021). Kerangka Konseptual Bagi Pengukuran Tahap Kemahiran Proses Matematik Murid. *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 168-181.
- Osman Affandi. (2022, August 8). Sejarah dan Evolusi Tulisan Jawi di Tanah Melayu. Iluminasi. <https://iluminasi.com/bm/tulisan-jawi-sejarah-evolusi-danperkembangannya-di-tanah-melayu.html>
- Pareeda Hayeeteh, Shahidi, A. H., dan Rahim Aman. (2020). Penerimaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Universiti Rajabhat Yala (YRU): Thailand.
- Rasyidah Ibrahim, Rahimah Embong, Kadir, Firdaus Khiri Abdul Kadir, dan Huda Afiqah Hashim. (2019). Pemerkasaan Tulisan Jawi Dahulu dan Kini. *BITARA: International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 2(1), 29-37.
- Siti Nurul Izza Hashim., Roziah Sidik @ Mat Sidek, dan Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad (2021). Tulisan Jawi Pelopor Keilmuan di Alam Melayu: satu kajian awal. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 32(2), 19-34.
- Zurina Abdullah dan Adi Yusran Abdul Aziz. (2020). Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan: *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(2), 244-255.